

Nasional

MARA kurangkan pelajar perubatan ke luar negara

Kerajaan fokus hantar penuntut kursus teknikal bagi hadapi IR 4.0

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@nsp.com.my

Ipo: MARA mengurangkan penghantaran pelajar perubatan tajaannya ke luar negara bagi mengatasi lambakan graduan dalam bidang berkenaan ketika ini.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Harun, berkata kerajaan akan fokus kepada penghantaran pelajar membatikan kursus berkaitan teknikal bagi menyediakan keperluan pekerja negara menghadapi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Beliau berkata, bagaimanapun MARA akan tetap meneruskan penghantaran pelajar ke luar negara dalam beberapa bidang lain.

"Sebenarnya kita masih lagi terus menghantar pelajar ke luar negara cuma (sekarang) kita akan mengurangkan penghantaran pelajar untuk kursus perubatan."

"Kita mempunyai (UniKL) di Ipoh untuk jurusan perubatan, jadi yang mana (pelajar dalam bidang itu) kita minta supaya mereka belajar di dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian sele-



Rina (kiri) menyerahkan baucar dan beg sekolah kepada Nur Ardina Sofea Shamsul Kamal pada Program Back to School @ KPLB di Tambun, semalam.

(Foto Balqis Jazimah Zahari/BH)

pas melawat dan menyerahkan sumbangan kepada penerima Program Back to School @ KPLB di sekitar Parlimen Tambun di sini semalam.

Rina berkata, penghantaran pelajar ke luar negara sehingga kini tetap diteruskan meskipun penghantaran pelajar perubatan sudah kurangkan.

"Penghantaran pelajar ke luar negara memang kita lakukan setiap tahun, kalau sebut pasal perubatan memang kita sudah kurangkan."

"Kita masih ada menghantar pelajar dalam bidang kejurute-raan (ke luar negara), bukan semua kursus dihantar ke luar negara kerana bagi program lain seperti pergigian sebenarnya banyak di dalam negara," katanya.

BH sebelum ini melaporkan lambakan graduan pergigian apabila mereka sukar mendapat tempat untuk menjalani latihan Program Pegawai Pergigian Baharu (NDOP).

Sebelum ini, tempoh menung-

gu setiap graduan pergigian bagi mendapat tempat latihan NDOP yang dulu dikenali sebagai Pegawai Pergigian Tahun Pertama (FYDO) dengan Kementerian Kesihatan selepas tamat pengajian adalah di antara satu hingga dua bulan, tetapi kini berlarutan sehingga 18 bulan.

Kelewatan dan kesukaran mendapat tempat latihan terbabit, di-dakwa berpunca daripada lambakan graduan bidang pergigian sama ada dari universiti dalam negara maupun luar negara.